

### Bateri Tidak Berfungsi

Cas bateri dengan pengecas bateri motosikal. Tanggalkan bateri dari kenderaan sebelum mengecas. Jangan gunakan pengecas bateri automobil kerana ia boleh merosakkan bateri motosikal dengan menyebabkan bateri menjadi terlampau panas dan mengakibatkan kerosakan kekal. Jikalau bateri tidak berfungsi selepas dicas, sila hubungi wakil pengedar anda.

#### NOTIS

"Jump start" bateri motosikal dengan menggunakan bateri automobil adalah tidak disyorkan kerana ini akan merosakkan sistem elektrik kenderaan anda.

### Mentol Terbakar

Ikut prosedur di bawah untuk menggantikan mentol yang terbakar.

Putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off) atau posisi **L** (Lock).

Biarkan mentol sejuk sebelum menggantikannya.

Jangan gunakan mentol selain dari jenis yang disyorkan.

Periksa mentol baru sebelum mula menunggang.

Untuk mengetahui nilai watt mentol, rujuk "Spesifikasi."

➔ MS. 107